

<https://journal.unisza.edu.my/mjis>

**[RASM UTHMANI: COMPARISON OF AL-HAZF IN
AL-QURAN AL-KARIM AND QURAN MAJID]**

**RASM UTHMANI: PERBANDINGAN PRINSIP AL-HAZF DALAM
AL-QURAN AL-KARIM DAN QURAN MAJID**

¹ ZAMRI RAJAB

¹ MOHD RUSLI ISMAIL

¹ AHMAD AMIR KHAN SHAH AHMAD @ MOHAMMED

¹ Jabatan Pendidikan Islam dan Moral, Institut Pendidikan Guru Kampus Sultan Mizan,
Jalan Bukit Keluang, Kota Putra, 22200 Besut, Terengganu, MALAYSIA

*Corresponding Author: zamri@ipgmksm.edu.my

Received Date: 19 April 2021 • Accepted Date: 16 June 2021

Abstract

This paper aims to dispel the confusion of students related to the knowledge of Rasm and Dhabt al-Quran among students of the Institute of Teacher Education, Sultan Mizan Campus. The confusion arises when they are unable to distinguish between the two disciplines of the Qur'an, namely, writing (rasm) and punctuation (dhabt). This paper solely focuses on the principle of al-hazf, which is one of the five principles in the method of Rasm Uthmani as agreed upon by scholars today. The sample of this study was selected based on the principle of purposive sampling, that is, a sample that is believed to be able to answer the research questions well. The results show that there is no difference in terms of writing in the two mashafs because each was written in accordance with the principles and methods of Rasm Uthmani. However, it is noted that there are differences in terms of punctuation in the two mashafs. The punctuation differences were employed to meet the needs of the readership where the Quran was printed and according to current development then.

Keywords: *Rasm Uthmani, Dhabt al-Quran, al-Quran al-Karim, Quran Majid.*

Abstrak

Tulisan ini bermatlamat merungkai kekeliruan para pelajar berkaitan ilmu Rasm dan Dhabt al-Quran dalam kalangan pelajar Institut Pendidikan Guru Kampus Sultan Mizan. Kekeliruan tersebut timbul apabila mereka tidak dapat membezakan di antara dua disiplin ilmu al-Quran iaitu, tulisan (*rasm*) dan tanda bacaan (*dhabt*). Tulisan ini hanya memfokuskan kepada prinsip *al-hazf*,

iaitu salah satu daripada lima prinsip dalam kaedah *Rasm Uthmani* sebagaimana yang disepakati oleh ulama pada masa kini. Sampel kajian ini dipilih berdasarkan prinsip pensampelan bertujuan, iaitu sampel yang diyakini boleh menjawab persoalan kajian ini dengan baik. Hasil kajian menunjukkan tidak terdapat perbezaan dari segi tulisan dalam kedua-dua mashaf kerana masing-masing ditulis menepati prinsip dan kaedah *Rasm Uthmani*. Manakala terdapat perbezaan dari segi tanda baca di dalam kedua-dua mashaf. Perbezaan tanda baca berkenaan dilakukan bagi memenuhi keperluan masyarakat pembaca di tempat al-Quran itu dicetak dan mengikut perkembangan semasa.

Kata Kunci: *Rasm Uthmani*, *Dhabt* al-Quran, al-Quran al-Karim, Quran Majid.

Cite as: Zamri Rajab, Mohd Rusli Ismail & Ahmad Amir Khan Shah Ahmad @ Mohammed. 2021. *Rasm Uthmani*: Perbandingan prinsip *al-hazf* dalam al-Quran al-Karim dan Quran Majid. *Malaysian Journal for Islamic Studies* 5(1): 119-128.

PENGENALAN

Sebahagian besar pelajar subjek PIM1014 – Pengajian al-Quran dan Hadis yang mengikuti sesi Pembelajaran dan Pemudahcaraan (PdPc) subjek ini di Institut Pendidikan Guru Kampus Sultan Mizan (IPGKSM) menyatakan kekeliruan mereka dalam menentukan tulisan mashaf al-Quran yang menepati prinsip dan kaedah *Rasm Uthmani*. Kekeliruan ini timbul apabila mereka mendapati bahawa prinsip dan kaedah *Rasm Uthmani* yang dipelajari telah diikuti dalam kebanyakan cetakan mashaf al-Quran yang mereka rujuk termasuklah mashaf al-Quran versi cetakan Quran Majid.

Kekeliruan ini bertambah lagi apabila mereka mendapati bahawa sebahagian pengkaji telah mengkategorikan Quran Majid sebagai salah satu contoh bagi mashaf al-Quran yang ditulis dalam bentuk *Rasm Imla-i* (Daud Ismail & Asyraf Ab Rahman, 2016). Namun, terdapat kajian yang menyatakan bahawa mushaf yang mematuhi kaedah-kaedah ilmu *rasm* seperti kaedah *al-hazf* maka mushaf tersebut boleh dianggap sebagai mushaf *Rasm ‘Uthmani* (Ahmad Baha’ bin Mokhtar, 2015; Ahmad Baha’ Mokhtar & Muhammad Lukman Ibrahim, 2014).

Hakikatnya, penentuan *Rasm Uthmani* adalah berasaskan kepada prinsip dan kaedah penulisan mashaf al-Quran yang unik, istimewa lagi tersendiri. Kaedah ini merupakan penetapan daripada Allah SWT yang hadir melalui pengakuan Rasulullah SAW atau apa yang disebut sebagai peraturan *tawqifi*. Jumhur ulama al-Quran telah sependapat menyatakan bahawa penetapan tulisan mashaf al-Quran adalah *tawqifi*, iaitu berdasarkan wahyu yang diterima dari Rasulullah SAW kemudian Baginda menyuruh para sahabat menulisnya dan Baginda pula mengesahkan penulisan mereka itu (Abd Qadir Umar Usman Al-Hamidy, 2018; Ismail, 2012; Itr, 1996).

Sudah tentu sekiranya pelajar tidak mampu membezakan di antara tulisan (*rasm*) dan tanda bacaan (*dhabt*) yang terdapat di dalam pelbagai versi cetakan mashaf al-Quran, maka mereka akan terdedah dengan kekeliruan yang berpanjangan. Tambahan pula, peraturan *dhabt* al-Quran yang merupakan ijtihad (*tawfiqi*) para ulama al-Quran telah mengalami transformasi yang ketara bersesuaian dengan keperluan semasa umat Islam di sesuatu kawasan. Oleh itu, sekiranya dilihat daripada sudut pandang *dhabt* al-Quran ini, memang jelas perbezaannya di

antara mashaf-mashaf al-Quran yang tersebar pada masa kini termasuk yang dicetak oleh Majma' al-Malik Fahd yang berpangkalan di Madinah, Arab Saudi (Fahd, 2020).

PENGERTIAN RASM UTHMANI

Rasm adalah perkataan Arab yang memberi erti kesan. Orang Arab menggunakan perkataan *rasm* bagi menggambarkan kesan sesuatu peninggalan seperti kesan tapak khemah yang ditinggalkan (Mustafa, Al-Zayyad, Al-Qadir, & Al-Najjar, 1960). Setelah itu perkataan *rasm* digunakan bagi menggambarkan tulisan atau khat (Al-Nahwi, 1991).

Dari segi istilah, pada awalnya kata *rasm* digunakan bagi merujuk kepada satu petunjuk adanya sesuatu lafaz yang dibentuk melalui penggabungan huruf-huruf *hijaiyah*. Kemudian perkataan *rasm* berkembang menjadi satu ilmu khusus yang membincangkan tentang kaedah dan cara penulisan serta pembentukan kalimah atau lafaz (Ahmad Kamarudin Ibrahim & Abd. Rahman Abd. Ghani, 2010).

Istilah *Rasm Uthmani* pula adalah merujuk kepada disiplin ilmu yang membincangkan beberapa prinsip dan kaedah penulisan sesuatu perkataan al-Quran yang dipersetujui oleh Saidina Uthman bin Affan RA pada zaman pemerintahannya. Beliau memberikan arahan kepada jurutulis al-Quran yang diketuai oleh Zaid bin Thabit RA agar menurut kaedah yang diasaskan kepada loghat kaum Quraisy. Hal ini kerana al-Quran itu diturunkan menurut lidah mereka (Abdul Fattah El-Qadhi, 1999).

Kaedah-kaedah penulisan al-Quran yang menepati *Rasm Uthmani* adalah melibatkan aspek atau prinsip seperti *al-hazf* (buang), *al-ziyadah* (tambah), *al-hamzah* (huruf hamzah), *al-badal* (ganti), *al-fasl* dan *al-wasl* (pisah dan sambung) (Makmur Harun, Muhammad Bukhari Lubis, & Abu Hassan Abdul, 2016).

Di samping istilah *rasm*, disiplin ilmu al-Quran turut membahaskan istilah *dhabt*. *Dhabt* adalah perkataan Arab yang bermaksud batasan yang dibuat bagi memudahkan penjagaan sesuatu perkara (Ibn Manzur, 1994). Dari segi istilah, *dhabt* al-Quran bermaksud tanda-tanda yang direka oleh alim ulama bagi menjaga ketepatan bacaan al-Quran. Para ulama sepakat bahawa tanda bacaan ini adalah hasil ijtihad para ulama (*tawfiqi*) selepas zaman Rasulullah SAW, iaitu bermula pada zaman para sahabat RA dan berterusan sehingga ke hari ini. Walaupun begitu, mereka berbeza pandangan tentang orang pertama yang melakukannya (Itr, 1996).

Tanda bacaan al-Quran terbahagi kepada dua, iaitu baris (*nuqtatul i'rab*) dan titik (*nuqtatul i'jam*). Baris adalah tanda bacaan yang membezakan bunyi sesuatu huruf seperti baris, iaitu atas, bawah dan hadapan, atau panjang dan pendek, atau ikhfak dan dengung atau sebagainya. Titik pula adalah tanda bacaan yang dicipta bagi membezakan satu huruf dengan saudaranya seperti *Ba*, *Ta* atau *Tha* dan *Jim*, *Ha* atau *Kha* dan *Sad* atau *Dhad* dan lain-lain.

Terdapat sarjana yang menyatakan bahawa baris adalah tanda bacaan pertama yang diciptakan sebelum titik. Baris adalah tanda bacaan yang dicipta oleh Abu Aswad al-Duali kemudian dimurnikan oleh Khalil bin Ahmad al-Farahidi. Pada zaman Abbasiyyah pula, Hajjah bin Yusof al-Tahqafi telah memerintahkan dua orang pakar bahasa Arab dari Iraq untuk menentukan perbezaan di antara dua atau tiga huruf yang serupa dengan mencipta titik (Ismail, 2012).

Walau bagaimanapun, pada zaman Rasulullah SAW para sahabat dapat membaca al-Quran tanpa ada sebarang tanda bacaan sama ada baris mahupun titik (Ahmad Baha' bin Mokhtar, 2015). Hal ini demikian kerana mereka memiliki tahap kemampuan berbahasa Arab yang tinggi. Namun, apabila masyarakat Arab telah bercampur dengan orang 'Ajam (bukan Arab), maka kemampuan berbahasa mereka turut berkurangan sehingga mencetuskan salah faham dalam pembacaan al-Quran yang akhirnya mencetus gerakan penciptaan tanda bacaan sebagaimana yang disebutkan di atas (Ismail, 2012; Itr, 1996).

RASM UTHMANI: PRINSIP AL-HAZF DALAM SURAH AL-FATIAH

Merujuk kepada kekeliruan yang timbul dalam kalangan pelajar sebagaimana disebutkan di atas, tulisan ini akan meneliti perbezaan *rasm* (tulisan) perkataan al-Quran yang ditulis dalam mashaf al-Quran al-Karim dan Quran Majid. Tumpuan penelitian difokuskan kepada prinsip *al-Hazf* sahaja.

Hasil penelitian terhadap kedua-dua mashaf al-Quran sama ada al-Quran al-Karim atau Quran Majid, didapati tulisan bagi surah al-Fatihah boleh dihuraikan berdasarkan Rajah yang berikut:

al-Quran al-Karim



Quran Majid



Rajah 1: Surah al-Fatihah

Berpandukan Rajah 1 di atas, tulisan kesemua perkataan yang melibatkan prinsip *al-hazf* (buang) dalam kaedah *Rasm Uthmani* jelas diikuti oleh kedua-dua mashaf. Berikut disenaraikan beberapa contoh:

1. Perkataan *بِسْمِ* yang disambungkan dengan lafaz *al-jalalah* (kalimah Allah) ditulis dengan membuang huruf *hamzah al-wasl* berbeza tulisan secara imla-i, iaitu *باسم*.
2. Lafaz *al-jalalah* ditulis dengan membuang huruf alif selepas huruf lam yang kedua.
3. Perkataan *الْعَالَمِينَ* ditulis dengan membuang huruf alif *al-fa'il* berbeza tulisan secara imla-i, iaitu *العالمين*.
4. Perkataan *مَلِك* ditulis dengan membuang huruf alif *al-fa'il* berbeza tulisan secara imla-i, iaitu *مالك*.

Namun, perkara yang turut menarik perhatian tulisan ini adalah gaya penulisan huruf hamzah. Walaupun pada zahir tulisan huruf ini seakan-akan sama di dalam kedua-dua mashaf, tetapi kesan tanda bacaan (*dhabt*) yang terlalu ditekankan pada mashaf Quran Majid menyebabkan perbezaan hamzah *al-wasl* dan *al-qat'* tidak dapat dikenalpasti oleh mereka yang kurang berkemampuan dalam ilmu bahasa Arab, iaitu perkataan اهدنا dan اياك.

Selain itu, Rajah 1 di atas turut memperlihatkan perbezaan yang ketara dari sudut tanda bacaan (*dhabt*) di dalam kedua-dua mashaf. Hal ini demikian kerana kesemua huruf dalam mashaf Quran Majid dibantu bariskan bagi memberi kemudahan kepada para pembaca. Sebagai contoh, mashaf al-Quran al-Karim tidak meletakkan sebarang tanda bacaan ke atas kesemua huruf mad yang berbaris sukun berbeza dengan mashaf Quran Majid.

Oleh itu, melalui penelitian surah al-Fatihah, jelas di sini bahawa tidak terdapat perbezaan prinsip *Rasm Uthmani* di antara mashaf al-Quran al-Karim dan Quran Majid, tetapi perbezaan terdapat pada prinsip *dhabt*. Perbezaan inilah yang sebenarnya boleh mencetus kekeliruan. Walaupun begitu, kehadiran prinsip *dhabt* dalam mashaf Quran Majid dapat membantu para pembaca yang tidak mahir berbahasa Arab dan tidak mampu membezakan di antara *hamzah wasal* dan *qata'*.

RASM UTHMANI: PRINSIP AL-HAZF DALAM AYAT PILIHAN





Bagi melakukan penelitian yang lebih mendalam tentang prinsip *al-hazf* dalam kaedah yang menentukan *Rasm Uthmani*, beberapa contoh perkataan al-Quran dalam kedua-dua mashaf akan dipilih secara sampel bertujuan dan diteliti berdasarkan kesemua ciri *al-hazf* sebagaimana yang digariskan oleh para ulama.

Para ulama menyenaraikan prinsip *al-hazf* yang berlaku terhadap *rasm* al-Quran terbahagi kepada dua bahagian yang utama, iaitu hikmah *al-hazf* dan huruf yang terlibat dengan *al-hazf*. Setakat ini terdapat tiga hikmah *al-hazf*, iaitu *hazf isharah*, *hazf ikhtisar* dan *hazf iqtisar*. Huruf yang terlibat *al-hazf* pula ada lima, iaitu alif, waw, ya, lam dan nun (Ahmad Baha' bin Mokhtar, 2015).

1. Hikmah Al-Hazf

Rajah 1 di atas telah menjelaskan contoh bagi *hazf isharah*, iaitu perkataan مملك yang mengisyaratkan kepada kebolehbacaan perkataan ini mengikut kepelbagaian qiraat al-Quran yang mutawattir. Begitu juga *hazf ikhtisar* berlaku pada perkataan العلمين. *Hazf ikhtisar* bermaksud pembuangan huruf yang berlaku kerana mengandungi hikmah ringkasan sesuatu perkataan tanpa mengubah makna perkataan itu.

Hazf iqtisar pula bermaksud pembuangan huruf yang berlaku kepada perkataan al-Quran secara unik, iaitu terhad kepada sesuatu tempat dan tidak berlaku pada tempat yang lain. Sudah tentu keunikan tersebut membuka ruang tadabbur ayat yang amat luas. Jadual 2 menerangkan contoh perkataan الميعد dalam bentuk *hazf iqtisar* dan tidak *hazf*.

	al-Quran al-Karim	Quran Majid
QS al-Anfal, 8:42		
QS Ali Imran, 3:9		

Jadual 2: Tulisan الميعاد dalam al-Quran.

Jadual 2 di atas menunjukkan tidak ada perbezaan dari segi tulisan (*rasm*) dalam kedua-dua buah mashaf al-Quran sama ada perkataan الميعاد atau الميعاد. Namun, sebagaimana yang disebutkan terdahulu bahawa terdapat perbezaan ketara pada tanda bacaan (*dhabt*) apabila mashaf Quran Majid meletakkan tanda sukun ke atas huruf mad (*ya* ') pada kedua-dua perkataan الميعاد dan الميعاد sebaliknya tidak ada sebarang tanda bacaan dalam mashaf al-Quran al-Karim.





2. Huruf Terlibat al-Hazf

Huruf *Alif*.

Contoh bagi *hazf* huruf *Alif* adalah sebagaimana yang terdapat dalam Jadual 1, iaitu pada perkataan العلمين dan الملك yang dihuraikan di atas.

Huruf *Waw*.




Contoh *hazf* huruf *Waw* berlaku pada perkataan الغاون. Perkataan ini hadir dua kali sahaja dalam al-Quran, namun didapati prinsip ini jelas diikuti dalam kedua-dua mashaf sebagaimana ditunjukkan dalam Jadual 3 yang berikut:

	al-Quran al-Karim	Quran Majid
QS al-Shu'ara, 26:94		
QS al-Shu'ara, 26:223		

Jadual 3: Tulisan الغاون dalam al-Quran.

Huruf *Ya*'.




Contoh *hazf* huruf *Ya*' berlaku pada perkataan يا قوم yang bermaksud “Wahai kaumku”. Sekiranya perkataan ini ditulis secara imla-i nescaya ia hadir dengan يا قومي. Namun, kedua-dua mashaf didapati konsisten dengan prinsip *Rasm* Uthmani seperti jadual 4.

	al-Quran al-Karim	Quran Majid
QS al-Maidah, 5:20		
QS al-An'am, 6:78		

Jadual 4: Tulisan يقوم dalam al-Quran.

Huruf Lam.



Contoh *hazf* huruf Lam berlaku pada perkataan الليل yang hadir dengan satu huruf Lam sahaja. Berbanding perkataan ini yang ditulis secara imla-i dengan dua huruf Lam الليل, iaitu *Lam al-Ta'rif* (alif lam shamsiah) dan Lam perkataan *layl* yang bermaksud “malam”. Jadual 5 yang berikut menerangkan contoh *hazf* huruf Lam”

	al-Quran al-Karim	Quran Majid
QS al-An'am, 6:13		
QS al-Layl, 92:1		

Jadual 5: Tulisan الليل dalam al-Quran.

Huruf Nun.

Contoh *hazf* huruf Nun berlaku pada perkataan نك, بك, نك, نك. Perkataan ini ditulis dengan mengekalkan huruf nun, iaitu نكن, يكن, كن, كن dan نك, كن, كن, كن sekiranya menurut kaedah biasa bahasa Arab. Hal ini kerana kemasukan huruf *jazam*, iaitu lam hanya menjadikan huruf Nun berbaris sukun. Jadual 6 berikut menunjukkan contoh *hazf* huruf Nun.

	al-Quran al-Karim	Quran Majid
QS Maryam, 19:20		
QS Al-Qiyamah, 75:37		

Jadual 6: Tulisan نك dan بك dalam al-Quran.

PERBINCANGAN

Kaedah *Rasm* Uthmani adalah hasil daripada penelitian para ulama terhadap ragam tulisan al-Quran secara *tawqifi* (ketetapan wahyu) daripada Allah SWT. Ini bererti kaedah *Rasm* Uthmani yang digariskan itu hadir setelah al-Quran lama ditulis menggunakan tulisan (*rasm*) yang diakui kesahannya oleh Baginda Rasulullah SAW.

Sejak zaman berzaman, para ulama al-Quran yang diberikan taufiq dan hidayah oleh Allah SWT meneliti ragam rasm al-Quran melalui aktiviti tadabbur. Aktiviti tadabbur semestinya telah digesa di dalam al-Quran itu sendiri (QS al-Nisa: 4:82; Muhammad 47:24). Tadabbur al-Quran adalah satu proses pemikiran yang dijalankan secara intensif bagi meneliti makna dan mesej al-Quran secara sedalam-dalamnya (Zamri Rajab, 2018).

Oleh kerana tulisan al-Quran (*rasm*) adalah perkara yang ditentukan oleh Allah SWT sendiri (*tawqifi*), sudah tentu ia mengadungi rahsia dan hikmah yang tersirat. Para ulama menyatakan bahawa huruf yang dibuang (*hazf*) dalam sesuatu perkataan mengadungi makna segera dan hampir, manakala perkataan yang dikekalkan hurufnya (*ithbat*) mengadungi makna ramai dan lazim (Al-Samarai, 2003). Penelitian kepada makna tersirat ini boleh membuka ruang mengenali mukjizat al-Quran melalui aspek i'jaz al-Rasmi, iaitu mukjizat tulisan al-Quran (Shamlul, 2006).

Sebagai contoh, perkataan الميعاد yang ditulis dalam Rasm Uthmani hadir dalam dua keadaan, sama ada dengan prinsip al-hazf (pembuangan, iaitu الميعد) (QS al-Anfal, 8:42) dan al-ithbat (pengekalan, iaitu الميعاد) (QS Ali Imran, 3:9). Walaupun kedua-dua perkataan ini memberi makna janji, namun pada ayat yang pertama menceritakan tentang janji yang ditabur oleh manusia dan ayat kedua adalah janji Allah SWT. Sudah tentu terdapat kekurangan pada janji yang ditabur oleh manusia walaupun sedikit jumlahnya, namun Allah SWT tidak mungkin memungkiri janji-Nya walaupun banyak. Dari segi tulisan perkataan (*rasm*), huruf Alif pada janji manusia ditiadakan manakala ia dikekalkan pada janji Allah SWT sebagai isyarat kepada maklumat yang tersirat itu.

Al-Samarai (2000) telah memberi komentar terhadap perkataan لكي dan لا yang tertulis secara terpisah لا لكي (QS al-Ahzab, 33:37) dan bersambung لكيلا (QS al-Ahzab, 33:50) walaupun didapati dalam surah yang sama dalam al-Quran. Tulisan tersebut mengikut prinsip kelima dalam kaedah Rasm Uthmani, iaitu al-fasl dan al-wasl (Abd Qadir Umar Usman Al-Hamidy, 2018).

Beliau menyatakan bahawa pada ayat pertama perkataan لكي dan لا dipisahkan kerana ayat tersebut berkaitan perkahwinan mana-mana lelaki dan wanita yang akan terputus melalui perceraian. Wanita tersebut pula dibenarkan berkahwin dengan lelaki lain selepas tamat tempoh idah. Manakala pada ayat yang kedua, perkataan لكي dan لا disambungkan menjadi لكيلا kerana ia melibatkan wanita yang dikahwini Rasulullah SAW. Mereka tidak boleh lagi dikahwini oleh orang lain selama-lamanya kerana mereka adalah ibu kaum Muslimin. Seolah-olah hubungan perkahwinan Rasulullah SAW tidak dapat dipisahkan walaupun melalui perceraian (Zamri Rajab, 2018).

Begitulah maklumat tersirat yang dapat membongkar mukjizat al-Quran melalui aktiviti tadabbur yang dilakukan berdasarkan aspek tulisan (*rasm*) al-Quran itu sendiri.

RUMUSAN DAN KESIMPULAN

Kenyataan yang menetapkan bahawa Quran Majid adalah contoh kepada mashaf al-Quran yang ditulis dengan *rasm imla-i* adalah kurang tepat. Hal ini kerana melalui beberapa contoh di atas, tidak terdapat perbezaan yang jelas dari segi prinsip *al-hazf*, iaitu salah satu kaedah *Rasm Uthmani* di dalam kedua-dua mashaf. Namun dari segi *dhabt* memang tidak dinafikan terdapat perbezaan yang amat menarik untuk dibuat kajian lanjutan.

Sepanjang pemerhatian dan pengetahuan penulis menerusi bacaan beberapa mashaf dalam pelbagai versi cetakan pula, tidak didapati mashaf al-Quran dicetak oleh orang Islam selain mengikuti prinsip dan kaedah *Rasm Uthmani*. Melainkan cetakan al-Quran dengan tujuan mengelirukan sebagaimana yang mungkin dilakukan oleh para Orientalis.

Adapun tanda bacaan, tidak dinafikan bahawa Quran Majid mengandungi tanda bacaan yang sangat banyak sehingga boleh menimbulkan salah faham dalam kalangan pembaca al-Quran di Malaysia. Selain itu, cetakan Quran Majid yang tidak seragam dari segi kesempurnaan ayat pada setiap helaian menyukarkan pembaca untuk memberhentikan bacaan. Kedua-dua kelemahan ini mungkin dipertimbangkan oleh pihak berwajib agar hanya cetakan mashaf al-Quran al-Karim sahaja diedarkan dalam kalangan masyarakat di Malaysia. Kedua-dua persoalan ini mencetuskan idea bahawa kajian lanjutan wajar dilakukan untuk meneliti perkara tersebut secara lebih mendalam.

Walau bagaimanapun, tulisan ini menegaskan bahawa memberi jenama “al-Quran al-Karim *Rasm Uthmani*” oleh sebahagian besar percetakan di Malaysia sedikit sebanyak menimbulkan kekeliruan terutama kepada para pelajar yang baru berjinak dengan ilmu pengajian al-Quran. Penjenamaan tersebut menggambarkan seolah-olah mashaf berkenaan sahaja dicetak menepati prinsip dan kaedah *Rasm Uthmani* manakala selebihnya adalah *Rasm Imla-i*.

Pada masa yang sama percetakan mashaf al-Quran di Majma’ al-Malik Fahd sendiri hanya menggunakan istilah al-Quran al-Karim sahaja tanpa tambahan istilah *Rasm Uthmani* pada kesemua 24 versi terkini cetakan mashaf al-Quran mereka. Tambahan pula, Majma’ al-Malik Fahd turut mencetak mashaf al-Quran versi Pakistan dengan meletakkan banyak tanda bacaan yang sesuai keperluan masyarakat di kawasan India. Tanda bacaan di dalam mashaf tersebut menyamai cetakan mashaf Quran Majid yang beredar dalam kalangan masyarakat Malaysia suatu ketika dahulu.

RUJUKAN

- Abd Qadir Umar Usman Al-Hamidy. (2018). Penulisan al-Quran dengan *Rasm Uthmani* di antara Tawqif dan Ijtihad. *Maālim Al-Qurān Wa Al-Sunnah*, 14(2), 116–131.
- Abdul Fattah El-Qadhi. (1999). *Sejarah Al-Quran*. (Ismail Mohd Hassan, Ed.). Kuala Terengganu: Penerbitan Yayasan Islam Terengganu.
- Ahmad Baha’ bin Mokhtar. (2015). Hadhf dan Ithbat al-Alif Dalam Ilmu *Rasm Uthmani*: Kajian Terhadap Tiga Mushaf Terpilih. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Malaya. Malaysia.

- Ahmad Baha' Mokhtar, & Muhammad Lukman Ibrahim. (2014). Metode Penentuan Mushaf Rasm 'Uthmani dan Imla'i. Dalam *The 4th Annual International Qur'anic Conference (MUQADDAS IV)*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Ahmad Kamarudin Ibrahim, & Abd. Rahman Abd. Ghani. (2010). *HBQE1203 Rasm Al-Uthmani* (Edisi ke-7). Kuala Lumpur Malaysia: Open University Malaysia.
- Al-Nahwi, A.-K. (1991). *Al-Mu'jam al-Arabi al-Muyassar*. Tunisia: Larus.
- Al-Samarai, Fadil Salleh. (2000). *Ma'ani al-Nahw*. Amman Jordan: Dar Al-Fikr.
- Al-Samarai, Fadil Salleh. (2003). *Lamasat Bayaniyah fi Nusus min al-Tanzil* (3rd ed.). Amman Jordan: Dar Ammar.
- Daud Ismail, & Asyraf Ab Rahman. (2016). Mushaf Imla'i dan Implikasinya dalam Pembacaan Al-Quran. *'Ulum Islamiyyah Journal*, 17, 43–55.
- Fahd, M. al-M. (2020). *Majma' al-Malik Fahd li Tiba'at al-Mashaf al-Sharif*. Muat turun pada November 25, 2020, dari laman sesawang <https://qurancomplex.gov.sa/>
- Ibn Manzur, M. bin M. (1994). *Lisan al-Arab* (3rd ed.). Lebanon: Dar Sadir.
- Ismail, S. M. (2012). *Rasm al-Mashaf wa Dhahabuhu Bayn al-Tawqifi wa al-Istilahat al-Hadithah* (Edisi ke-3). Al-Qaherah: Dar Al-Salam.
- Itr, Nur al-Din. (1996). *Ulum al-Quran al-Karim*. Damsyik: Matba'at Al-Sabah.
- Makmur Harun, Muhammad Bukhari Lubis, & Abu Hassan Abdul. (2016). Sejarah Penulisan Mushaf Al-Quran Nusantara: Satu Kajian Perbandingan Antara Mushaf Istiqlal Indonesia Dengan Mushaf Tab'an al-Ta'qwa Malaysia. Dalam *Seminar Antarabangsa Memartabatkan Bahasa Melayu ASEAN ke-3* (p. 35). Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Mustafa, I., Al-Zayyad, A. H., Al-Qadir, H. A., & Al-Najjar, M. A. (1960). *Al-Mu'jam al-Wasit*. Kaherah: Dar Al-Dakwah.
- Shamlul, Mahmud. (2006). *I'jaz Rasm al-Qur'an wa I'jaz al-Tilawah*. Kaherah: Dar Al-Salam.
- Zamri Rajab. (2018). Nilai Shahid al-Quran Dalam Tashil Nayl al-Amani. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Sultan Zainal Abidin.